

KONSEP BERTAMU DALAM SUNNAH: SATU TINJAUAN

Hamzah Bin Omar
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Fatin Farihan Binti Mohd Salleh

ABSTRAK

Bertamu adalah satu perkara yang menjadi wadah bersosial untuk manusia. Konsep bertamu sering disalaherti dengan kondisi yang menyusahkan tetamu dan tuan rumah. Oleh itu, kajian ini adalah untuk melihat konsep bertamu mengikut Sunnah. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan menghuraikan definisi bertamu dan tujuan utama bertamu. Kajian ini diharap dapat memberi impak yang baik kepada masyarakat secara umumnya.

Kata kunci: Bertamu, Sunnah, kualitatif, sosial, impak.

1. Pendahuluan

Pada zaman yang semakin moden ini, terlampaui banyak media-media atau alat-alat komunikasi yang dapat menghubungkan seseorang dan sekali gus, dapat mengeratkan hubungan silaturrahim seseorang dengan lebih mudah, cepat dan cekap. Tetapi apabila terlampaui mudah dalam bidang teknologi, mereka menjadi semakin lalai dan leka dalam penggunaan teknologi. Manusia semakin buta dalam bersosial, kerana terlampaui ta'sub dengan teknologi yang semakin canggih.

Pergaulan dalam Islam digalakkan untuk mempereratkan hubungan persaudaraan sesama Islam. Pada zaman nabi terdahulu, amalan bertamu ini amat digalakkan, kerana tetamu dianggap membawa rezeki kepada mereka. Pelbagai kisah nabi terdahulu yang menunjukkan bahawa tetamu perlu dihormati dan dimuliakan. Akan tetapi, pada masa kini, amalan bertamu semakin dimansuhkan. Akibat daripada peredaran zaman yang semakin moden dan manusia terlampaui sibuk mencari duit untuk menampung kehidupan sehari-hari.

Pada masa kini, pengetahuan masyarakat tentang adab bertamu semakin cetek. Sebagai contoh, pada masa kini tuan rumah tidak melayan tetamu dengan begitu baik, terdapat masyarakat yang membekukan diri di dalam rumah, apabila tetamu datang ke rumah mereka atas alasan tidak mahu melayan tetamu. Malah terdapat juga tuan rumah yang mengusir tetamu apabila tetamu datang ke rumah mereka. Hal tersebut membuatkan tetamu kecewa dan terasa hati dengan tuan rumah. Keadaan ini akan menjaskan tali persaudaraan sesama Islam. Orang yang bergelar tetamu ini sangat hebat kerana mereka dipandang mulia disisi Allah s.w.t. Allah s.w.t memuliakan tetamu setinggi ini, agar umat Islam memuliakan tetamu dengan baik seiring dengan keimanan mereka terhadap Allah s.w.t dan hari akhirat. Ini adalah kerana tetamu yang datang menziarahi mempunyai tujuan dan maksud yang tetentu dengan pihak tuan rumah. Dari hadis di atas jelaslah bahawa sesiapa yang beriman dengan Allah s.w.t dan hari akhirat, maka dia hendaklah memuliakan tetamu yang hadir ke rumah.

Terdapat juga hadis yang menunjukkan bahawa kita sebagai umat Islam wajib melayan tetamu dan memenuhi keperluannya paling kurang satu hari satu malam dan paling lama tiga hari tiga malam. Hal ini, kurang diberi perhatian dalam kalangan masyarakat. Malah terdapat juga tetamu yang datang dalam masa beberapa jam sahaja tetapi tidak di layan dengan baik dan memenuhi keperluan mereka.

Kewajipan menerima dan menghormati tetamu ini, tidak membezakan-bezakan antara tetamu. Layanan diberikan sama rata, sama ada mereka dari golongan atasan maupun golongan bawahan. Sebagai seorang tetamu juga, perlu menerima dengan baik layanan yang telah diberikan daripada tuan rumah. Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan dan

ditemui. Kajian yang dilakukan berkaitan adab bertamu, etika memuliakan tamu dan memahami adab bertamu

2. Konsep bertamu

Dalam rangka berinteraksi sosial dan bersilaturahim ialah setiap orang akan saling mengunjungi, bertamu dan menerima tamu. Rasulullah s.a.w menganjurkan kepada umatnya agar memuliakan tamu. Bahkan, Allah s.w.t akan menjadikan orang yang memuliakan tamu sebagai orang yang beruntung.

Adab adalah salah satu istilah bahasa Arab yang bererti adat ataupun kebiasaan. Kata ini menunjukkan pada suatu kebiasaan, etika, pola tingkah laku yang dianggap sebagai model. Selama dua abad pertama setelah kemunculan Islam, istilah adab membawa implikasi makna etika dan sosial. Berdasarkan beberapa definisi tersebut, adab bertamu dapat difahami sebagai tingkah laku seseorang yang baik berdasarkan kesucian jiwa dan dimanifestikan melalui aturan-aturan dalam bertamu yang sesuai dengan syariat agama Islam. Orang muslim beriman kepada kewajipan memuliakan tamu, menghormatinya dengan penghormatan yang semestinya kerana hal-hal tersebut sesuai dengan syariat Islam. Saling menghormati akan mengeratkan hubungan antara tamu dan tuan rumah seterusnya mengelakkan daripada berlaku perselisihan. (Bahri, 2009)

Maksud bertamu dalam kamus dewan bahasa dan pustaka ialah datang atau berkunjung. Maksud lainnya ialah melawat ke sesuatu tempat, hadir di sesuatu jamuan dan lain-lain. Contohnya ialah saudara-maranya yang datang di rumahnya. (Kamus Pelajar Edisi Kedua) Bertamu adalah berkunjung ke rumah orang lain dalam rangka mempereratkan hubungan tali silaturahim sesama manusia. Dengan mempereratkan tali silaturahim, kita dapat membina hidup kerukunan, menumbuhkan rasa kasih sayang sesama saudara, tolong menolong dan saling bantu-membantu antara manusia. Selain itu, bertamu tidak saja menghubungkan tali persaudaraan tetapi ia juga akan banyak akan menambahkan wawasan dalam diri dan pengalaman. Manfaat bertamu adalah dapat membina sikap toleransi terhadap orang lain, selain itu bertamu juga, akan mempertemukan persamaan ataupun kesesuaian sehingga terjalinnya persahabatan dan kerjasama dalam menjalani kehidupan. (Chairilsyah, 2016)

2.2 Tujuan Bertamu

Setiap orang pasti pernah menerima kedatangan tetamu ke rumahnya. Antara orang yang akan bertamu ke rumah ialah rakan karib, jiran terdekat, atau saudara-mara. Bertamu adalah salah satu adab Islam yang perlu diperhatikan. Islam telah mensyariatkan beberapa adab bagi tetamu dan tuan rumah. Kedua-dua belah pihak harus melaksanakan adab-adab ini untuk mendapatkan hasil yang positif. Tujuan bertamu antaranya ialah seperti berikut:-

2.2.1 Silaturrahim

Manusia yang hidup mestalah saling cinta mencintai sesama saudaranya . Persaudaraan dapat mewujudkan satu masyarakat yang harmoni, maka dengannya keamanan dan perdamaian di muka bumi akan terjamin. Allah s.w.t telah berfirman:

(Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu). (Surah Al- Hujurat:13).

Allah s.w.t melipat gandakan rezeki umatnya yang pandai menjaga hubungan silaturrahim. Rezeki dan silaturrahim adalah hubungan yang sangat kuat. Rezeki yang turun kepada kita bersumber dari Allah s.w.t. Allah s.w.t menurunkannya dengan berbagai-bagai cara. Tedapat cara Allah SWT menolong kita melalui orang lain. Adakalanya Allah s.w.t menurunkan secara langsung kepada hamba yang dipilihnya. Silaturrahim adalah perintah Allah s.w.t supaya kita mendapat keredhaannya. Dengan bereinteraksi dengan saudara atau relasi maka dengan sendirinya akan diper mudahkan rezeki. (Hanafiyah, 2009)

Terdapat Hadith yang menyebut tentang orang yang memutuskan silaturrahim akan diharamkan masuk ke dalam syurga. Abu Musa al-Asy'ari r.a mengatakan bahawa Nabi s.a.w bersabda:

(أَلَّا تَرْجُمَةً لِمَنْ حَمَرَ ، وَقَاطَعَ رَحْمَ ، وَمَصَدَّقَ بِالسُّحْرِ)

(HR Ibnu Hibban, Hakim, Ahmad)

“Terdapat tiga orang yang tidak akan masuk syurga, iaitu orang yang suka minum arak, orang yang memutuskan tali silaturrahim, dan orang yang membenarkan perbuatan sihir.” (Ibrahim, 1997)

Silaturrahim itu di antaranya adalah bertamu dan menjamu tetamu dengan baik. Dalam hal ini, terdapat etika dan pendirian tersendiri agar tuan rumah dan tetamu sama-sama melakukan adab yang baik. Tamu harus dimuliakan tetapi tetamu juga harus menghormati tuan rumah. Itu lah prinsipnya. (Abdullah, 2016)

Rasulullah SAW bersabda,

حَدَّثَنَا قُتْبَيْهُ بْنُ سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا لَيْثٌ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي سَعِيدٍ، عَنْ أَبِي شُرَيْحٍ الْعَدْوَىِّ، أَكَّهُهُ
قَالَ: سَمِعْتُ أُذْنَائِيَّ، وَأَبْصَرَتْ عَيْنَائِيَّ، حِينَ تَكَلَّمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ:
«مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلِيُكْرِمْ ضَيْفَهُ جَاهِزْتَهُ»، قَالُوا: وَمَا جَاهِزْتُهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟
قَالَ: «يَوْمُهُ وَلَيْكُتُهُ. وَالضَّيْافَةُ ثَلَاثَةُ أَيَّامٍ، فَمَا كَانَ وَرَاءَ ذَلِكَ فَهُوَ صَدَقَةٌ عَلَيْهِ»

“Barangsiapa beriman kepada Allah s.w.t dan Hari Akhirat maka hendaklah ia memuliakan tamunya...” (H.R Muslim)

2.2.2 Memenuhi undangan

Tuan rumah berniat mengharapkan pahala dalam menyambut kedatangan saudaranya, dan dari makanan yang dihidangkan, serta sambutan baik kepada mereka. Hendaklah tamu juga meniatkan pahala dari mendatangi undangan tersebut dan dari kunjungannya kepada saudaranya. Dengan demikian, kedua belah pihak akan mendapatkan pahala atas hal itu. (Nada, 2007)

Maksud undangan ialah untuk menghadiri sebuah pesta dan sebagainya yang didalamnya disediakan pelbagai jenis hidangan untuk merayakan kegembiraan atas peristiwa baru atau munasabah baru.

Maksud undangan dalam hadis Ibnu Umar adalah undangan untuk walimatul ‘urs (hari pernikahan). Ibnu Hajar berkata “hal ini dikuatkan dengan riwayat Ibnu Umar yang lain “Jika salah seorang di antara kamu diundang untuk walimah, maka datangilah”. Dalam ilmu hadis, jika satu hadis mempunyai lafadz yang banyak, maka semuanya boleh digabungkan satu sama lain, sehingga kekuatan maknanya akan semakin jelas. Hukum memenuhi undangan mengikut pendapat pertama, bahawa memenuhi undangan untuk pernikahan itu wajib dengan pelbagai syaratnya. Manakala mengikut pendapat jumhur ulama dari para sahabat,

tabi'in dan empat imam madzhab, Azh Zahiriah dan yang lainnya, bahkan sebahagian mereka telah mengatakan bahawa pendapat tersebut sudah menjadi ijma' ulama. Ibnu Hajar berkata, "Ibnu Abdul Barr, demikian pula 'Iyadh dan Nawawi telah menceritakan tentang adanya ijma' ulama' dalam masalah ini. Semuanya sepakat bahawa wajib hukumnya memenuhi undangan Walimatul'Urus. Majoriti ulama' berpendapat akan hal ini menjelaskan bahawa menghadiri undangan pernikahan adalah fardhu ain tetapi sebahagian pendapat mazhab Shafie dan Hambali menganggapnya fardhu kifayah. (Al-Fauzan, 2007) Mengundang orang-orang yang bertakwa saja sebagai tamu, bukannya orang – orang yang fasik ataupun para pendosa, berdasarkan sabda Nabi s.a.w,

لَا تَصَاحِبُ إِلَّا مَوْنَانًا وَلَا يَأْكُلُ طَعَامَكَ إِلَّا تَقِيًّا.

"Jangan berteman, kecuali dengan orang Mukmin; dan jangan ada yang memakan makananmu, kecuali orang yang bertakwa." (HR Al Bukhari)

Dalam menghadiri undangan kita tidak boleh membezakan tetamu dari golongan miskin dan golongan kaya. Apabila kita membezakan golongan tersebut, ia akan menyebabkan salah satu dari golongan tersebut berkecil hati. Kemudian, dalam memenuhi undangan, tidak boleh membezakan antara jarak yang dekat atau jauh. Jika menerima dua undangan secara serentak maka hendaklah memenuhi undangan yang diterima dahulu. Dan meminta maaf jika tidak dapat hadir ke undangan yang seterusnya. (Jazairi, 2015)

2.2.3 Bertamu adalah ibadah

Bertamu merupakan budaya masyarakat yang sangat dekat dengan sistem kekeluargaan. Berziarah dan bertamu kepada sanak-saudara dan menghubungi para sahabat untuk bertemu dan saling memperingatkan, adalah termasuk dalam ibadah yang mengandungi hal-hal mulia di sisi Allah s.w.t dan mendapat banyak manfaat.

Akan tetapi, terdapat syarat-syaratnya: pertama, tidak terlalu sering dan berlebih-lebihan. Nabi Muhammad s.a.w, bersabda: Bertamulah engkau pada waktu-waktu tertentu, nanti akan bertambah cinta.

Syarat kedua, dalam ziarah perlu mematuhi yang hak dengan menjauhi riak dan perbuatan yang di buat-buat, perbuatan yang tidak baik dan terkeji. (Ghazali, 2016)

Orang Islam yang mulia akan gembira apabila menerima tetamu sama ada saudara mara atau kawan – kawannya, lebih – lebih lagi jika tetamunya itu orang daripada kalangan orang-orang yang baik. Kedatangan tetamu merupakan rahmat bagi tuan rumah. Oleh sebab itu, sesetengah salafus soleh berasa gelisah jika agak lama tidak menerima tetamu. (Ghaffar, 2009) Rasulullah s.a.w bersabda : "Apabila tetamu masuk ke rumah suatu kaum, dia masuk bersama rezekinya, dan apabila tetamu keluar datangkan pengampunan dosa ke atas mereka (tuan rumah). [H.R. Ad-Dailami]

Rujukan

- Abdullah, A. (2016). *Muslim Jenaka*. Jakarta: PT Alex Media Komputindo.
- Al-Fauzan, D. A. (2007). *Tuntutan Dan Etika Hidup Bermasyarakat*. Jakarta: Qisthi Press.
- Anwar, M. A. (2014). *Adab Seorang Muslim*. Shah Alam: Maryuma Enterprise.
- Arifin, H. (2009). *Berinteraksi Dengan Non Muslim 'Al Musalimun Perspektif Hadis*.
- Bahri, E. S. (2009). *Adab Bertamu Dalam Perspektif Sunnah*. *Adab Bertamu Dalam Perspektif Sunnah*.
- Bahri, E. S. (2009). *Adab Bertamu Perspektif Sunnah*.
- Bugha, D. M. (2014). *Al Wafi: Syarah Hadis Arba'in Imam An Nabawi*. Jakarta : Qisthi Press.

- Chairilsyah, D. (2016). Mengajar Cara Cara Bertamu Kepada Anak Usia Din. *Mengajarkan Tata Cara Bertamu Kepada Anak*, 156.
- Ghaffar, A. M. (2009). *Panduan Pergaulan Dan Memilih Teman*. Utusan Publication & Distributors SDN BHD.
- Ghazali, I. A. (2016). *Minhajul Abidin Jalan Ahli Ibadah*. Jakarta: Shahih.
- Hanafiyah, M. (2009). *Dasyatnya Ayat-Ayat Pembuka Pintu Rezeki*. Yogyakarta: Mutiara Media.
- Ibrahim, A. H. (1997). *Rumah Yang Tidak Dimasuki Malaikat*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Jazairi, S. A. (2015). *Minhajul Muslim*. Jakarta: Pustaka Al Kautsar.
- M.K, D. M. (2014). *Bertangga Dan Bermasyarakat Dalam Islam*. Jakarta: Al Qalam.
- Nada, ' . -S. (2007). *Ensiklopedia Adab Islam*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Shafi'i .
- Othman, A. (2007). *Islam Yang Mudah*. Selangor: PTS Publication & Distributors SDN BHD.
- Putri, I. J. (2013). *Memahami Adab Bertamu*. Yokyakarta: Selasar Hijau Masjid Salman.
- Rofaaah, H. (2016). *Akhlaq Keagamaan Kelas XII*. Yokyakarta: Deeppublisher.
- Sahid, A. N. (2014). *Etika Memuliakan Tamu Dalam Surah Adz Dzariyat Ayat 24-28*.